



POLISI PENGGUNAAN VoIP

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

10.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menerangkan polisi penggunaan kepada alatan komunikasi 'Voice over IP' (VoIP) sebagai pengganti telefon yang terdapat di UNISEL. Semua penggunaan alatan komunikasi VoIP perlu mendapat kebenaran atau kelulusan secara jelas dan nyata.

10.2 Skop Polisi

Capaian kepada sumber ICT ini merangkumi akaun panggilan VoIP pengguna (bagi mereka yang layak) diberikan kepada staf dan sesiapa yang berkenaan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran.

Skop Polisi melibatkan semua perkakasan yang dimiliki atau digunakan atau berada di dalam simpanan pengguna bagi tujuan penggunaan hal-hal berkaitan universiti, tidak kira di mana VoIP itu berada.

10.3 Takrifan

- i. "Staf" ditakrifkan sebagai seseorang yang dilantik oleh UNISEL untuk sesuatu jawatan sama ada secara tetap, sambilan, sementara atau kontrak dan masih berkhidmat dengan UNISEL;
- ii. "Hardphone" ditakrifkan sebagai alatan komunikasi VoIP berbentuk fizikal dan menyamai sebuah telefon analog biasa yang disambungkan terus ke rangkaian dan juga talian elektrik. Boleh terus berfungsi tanpa memerlukan perisian;
- iii. "USB-Softphone" ditakrifkan sebagai alatan komunikasi VoIP berbentuk fizikal yang hanya mempunyai gagang yang disambung terus ke 'port USB' sesebuah komputer/notebook. USB-Softphone memerlukan perisian bagi membolehkannya berfungsi;
- iv. "Internal Call" ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi VoIP sebagai komunikasi dalaman UNISEL sahaja. Tiada kemudahan talian dail terus ke luar dan panggilan keluar hanya akan menerusi telefonis UNISEL;
- v. "Local Call" ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi VoIP sebagai komunikasi luaran UNISEL dan merangkumi talian tempatan (Selangor) dan telefon bimbit sahaja;
- vi. "Long Distance Call" ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi VoIP sebagai komunikasi luaran UNISEL dan merangkumi talian di luar kawasan tempatan sahaja; dan
- vii. "International Call" ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi VoIP sebagai

komunikasi luaran UNISEL dan merangkumi talian di luar Malaysia sahaja.

10.4 Polisi Penggunaan

10.4.1 Hakmilik

- i. Semua perkakasan yang diperolehi untuk atau bagi pihak UNISEL atau semua perkakasan yang dicipta/dipasang oleh staf atau pelajar UNISEL untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan atau pentadbiran adalah menjadi hakmilik UNISEL; dan
- ii. Perkakasan dan perkhidmatan VoIP tersebut tidak dibenarkan dijual, disewa, dipaten, dipinjam, disebar atau diberi kepada sesiapa atau entiti tanpa kebenaran JPPICT.

10.4.2 Tanggungjawab Pengguna

- i. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan VoIP yang diperuntukkan kepadanya. Pengguna tidak boleh membiarkan VoIP tersebut berada di kawasan yang terbuka dan boleh dicapai oleh orang lain;
- ii. Pengguna tidak berhak mengganggu dengan apa cara sekalipun VoIP yang bukan berada di bawah kawalannya. Ini termasuk pengguna tanpa kebenaran, mencerooboh dan mencuri VoIP atau komponen-komponennya;
- iii. Sebarang penggunaan secara perkongsian ('sharing') adalah menjadi tanggungjawab bersama pengguna-pengguna terbabit. Sebarang kongsiian perlu mempunyai syarat dan peraturan yang dipersetujui ahli (pengguna);
- iv. Melapor segera secara bertulis kepada Pengurus Pusat ICT sekiranya VoIP tersebut rosak/tidak berfungsi untuk tujuan pembaikan; dan
- v. Melaporkan segera secara bertulis kepada Pengurus Pusat ICT sekiranya VoIP tersebut hilang/dicuri dan membuat laporan.

10.5 Polisi Pemberian Perkakasan dan Perkhidmatan VoIP

Pemberian jenis perkakasan VoIP sama ada 'hardphone' atau 'softphone' adalah dalam bidang kuasa Pengurus Pusat ICT dan diluluskan oleh JPPICT.

Pemberian perkhidmatan VoIP terbahagi kepada 4 kelas jenis perkhidmatan:

- i. Kelas perkhidmatan 1 – 'Internal'/'Local'/'Long Distance'/'International Call'
- ii. Kelas perkhidmatan 2 – 'Internal'/'Local'/'Long Distance Call'
- iii. Kelas perkhidmatan 3 – 'Internal'/'Local Call'
- iv. Kelas perkhidmatan 4 – 'Internal Call'

Pemberian perkhidmatan VoIP adalah dalam bidang kuasa Pengurus Pusat ICT dan diluluskan oleh JPPICT.

Pemberian VoIP kepada kakitangan UNISEL adalah seperti berikut:

- i. Kakitangan Akademik - layak mendapat satu (1) unit VoIP setiap seorang. Kemudahan VoIP daripada sumber-sumber lain tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Kelas perkhidmatan adalah berasaskan kekananan jawatan,

beban tugas dan kesediaan ('availability') peralatan;

- ii. Kakitangan Pengurusan dan Profesional - Kemudahan VoIP daripada sumber-sumber lain tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Peruntukan adalah berasaskan kekananan jawatan, beban tugas dan kesediaan peralatan; dan
- iii. Kakitangan kategori lain - layak diberi VoIP berpolisikan keperluan kerja yang ditentukan oleh ketua jabatan.

Kakitangan perlu mengisi dan menandatangani borang B-PICT 6/1 yang disediakan Pusat ICT sebagai bukti penerimaan peralatan.

Bagi kakitangan yang tamat perkhidmatan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) bersara atau meletak jawatan, bercuti sabatikal luar negara atau melanjutkan pengajian, perlu memaklumkan dan memulangkan peralatan di bawah tanggungjawabnya kepada Pusat ICT selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum tarikh berkaitan.